

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2009

**TAWARAN OPSYEN SEMULA KEPADA PEKERJA PIHAK BERKUASA
BERKANUN DAN TEMPATAN YANG TELAH MEMILIH SKIM
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA MELALUI
PEKELILING PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA
BERKENAAN PADA TAHUN 1977/1978**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan syarat dan menetapkan prosedur bagi melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan pemberian opsyen semula kepada pekerja sektor awam yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Secara khusus Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk melaksanakan keputusan tersebut bagi pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang telah memilih Skim KWSP semasa memilih Skim Baru. "Skim Baru" ertinya gaji-gaji dan had-had serta syarat-syarat perkhidmatan yang telah dipinda bagi pekerja-pekerja dalam Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan berbangkit daripada penyemakan gaji-gaji dan had-had serta syarat-

syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja itu yang dibuat oleh Kerajaan mulai dari 1hb Januari 1976.

LATAR BELAKANG

2. Semasa melaksanakan Skim Baru, pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan yang masih tertakluk kepada Skim KWSP diberi opsyen untuk terus mencarum kepada KWSP atau kumpulan wang simpanan lain yang dibenarkan. Pekerja yang telah memilih untuk berbuat demikian telah tertakluk kepada Skim KWSP dan undang-undang berkaitan sehingga hari ini. Pekeliling Perkhidmatan bagi opsyen tersebut dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan pada tahun 1977 (bagi Pihak Berkuasa di Semenanjung) dan pada tahun 1978 (bagi Pihak Berkuasa Sabah/Sarawak).

3. Dengan keputusan Kerajaan untuk memberi opsyen semula ini, mereka yang memilih pencen, ganjaran dan faedah-faedah lain melalui Pekeliling Perkhidmatan ini akan tertakluk kepada Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

4. Opsyen semula pekerja di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini akan menjadi muktamad pada **1 Februari 2009**.

PELAKSANAAN

Pekerja Yang Layak Ditawarkan Opsyen Semula

5. Opsyen semula ini layak ditawarkan kepada pekerja tetap yang telah memilih Skim KWSP melalui tawaran opsyen kepada pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa berkenaan pada tahun 1977/1978.

6. “Pekerja tetap” yang dimaksudkan adalah termasuk pekerja yang sedang—
- (i) dalam peminjaman;
 - (ii) dalam pertukaran sementara;
 - (iii) bercuti (cuti tanpa gaji, cuti separa gaji dan cuti sakit khas);
 - (iv) bercuti belajar atau berkursus; dan
 - (v) dalam tindakan tata tertib yang belum berkeputusan muktamad pekerja itu dibuang kerja.

Pekerja Yang Tidak Layak Ditawarkan Opsyen Semula

7. Opsyen semula ini tidak layak ditawarkan kepada:
- (i) pekerja yang telah memilih Skim KWSP dan telah bersara pada atau sebelum 1 Januari 2009; dan
 - (ii) pekerja yang telah memilih Skim KWSP dan berkhidmat di agensi Kerajaan berasaskan sistem saraan yang diasingkan daripada Skim Baru (termasuk Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia).

Tanggungjawab Ketua Jabatan

8. Ketua Jabatan hendaklah:
- (i) memberikan penjelasan mengenai perbandingan antara Skim KWSP dan pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**, sebelum pekerja membuat pilihan melalui opsyen semula;

- (ii) mengedarkan Borang Opsyen Semula seperti di **Lampiran B** kepada setiap pekerja yang layak diberi opsyen semula;
- (iii) memastikan pekerja mengemukakan 3 salinan Borang Opsyen Semula yang telah dilengkapkan sebelum tarikh tamat tempoh opsyen semula dan mengembalikan sesalinan borang tersebut untuk rujukan pekerja;
- (iv) menyimpan sesalinan Borang Opsyen Semula pekerja dalam fail peribadinya;
- (v) merekodkan pilihan opsyen semula pekerja dalam Buku Perkhidmatan dengan mencatatkan maklumat seperti di **Lampiran C**;
- (vi) memperakukan secepat mungkin setiap pekerja yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain melalui opsyen semula ini kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan) untuk diberi taraf berpencen mengikut prosedur yang berkuat kuasa pada masa kini;
- (vii) mengembalikan sesalinan borang opsyen semula yang lengkap kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan) sebelum **7 Februari 2009**.

Tempoh Opsyen Semula

9. Opsyen semula boleh dibuat mulai tarikh Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa. Borang Opsyen Semula hendaklah diserahkan kepada Ketua

Jabatan **sebelum 1 Februari 2009**. Pekerja yang tidak membuat opsyen semula atau tidak menyerahkan Borang Opsyen Semula sebelum tarikh tersebut atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan **disifatkan kekal di bawah Skim KWSP**. Opsyen oleh pekerja berkuat kuasa pada **1 Februari 2009** dan adalah **muktamad**.

IMPLIKASI OPSYEN SEMULA KEPADA PEKERJA YANG MEMILIH PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN SEBAGAI SKIM FAEDAH PERSARAAN

Pemakaian Undang-Undang Pencen Dan Peraturan-Peraturan Lain

10. Pekerja yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah pemberian opsyen semula ini adalah tertakluk kepada undang-undang pencen serta Perintah Am, peraturan perkhidmatan, skim perkhidmatan, pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan dan arahan-arahan lain berkaitannya yang berkuat kuasa sehubungan dengan pemberian pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain.

Pemberian Taraf Berpencen

11. Perakuan pemberian taraf berpencen kepada pekerja yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah opsyen semula ini hendaklah mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa. Borang Opsyen Semula pekerja tersebut hendaklah dilampirkan semasa perakuan pemberian taraf berpencen dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan). Tarikh kuat kuasa pemberian taraf berpencen tidak boleh lebih awal daripada 1 Februari 2009.

12. Bagi memenuhi syarat pemberian taraf berpencen seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 6 Akta 239, tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira adalah **mulai tarikh pelantikan pertama pekerja dalam perkhidmatan**, tertakluk

kepada syarat-syarat mengenai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira di bawah undang-undang pencen.

Pengambilan Kira Tempoh Perkhidmatan

13. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan (pencen dan ganjaran) ialah **mulai tarikh lantikan pertama pekerja dalam perkhidmatan** sehingga pekerja berkenaan bersara atau dibersarakan di bawah undang-undang pencen tertakluk kepada syarat-syarat mengenai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira di bawah undang-undang pencen. Walau bagaimanapun, apa-apa caruman KWSP syer Kerajaan/majikan serta faedah yang terakru bagi mana-mana tempoh perkhidmatan yang diambil kira hendaklah dibayar balik kepada Kerajaan sebagaimana contoh di **Lampiran D**.

Kematian Pekerja Dalam Tempoh Opsyen

14. Jika seseorang pekerja yang telah memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain melalui opsyen semula meninggal dunia sebelum tarikh kuat kuasa opsyen tersebut, pekerja itu disifatkan sebagai pekerja berpencen seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7(d) Akta 239 berasaskan pengesahan ke dalam perkhidmatan beliau sebelum ini. Peruntukan undang-undang pencen berkaitan dengan pemberian pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain adalah terpakai ke atasnya pada tarikh kematiannya itu.

TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

16. Pekeliling Perkhidmatan ini meliputi pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

6 Januari 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran A

Perbandingan Antara Faedah Persaraan/Faedah Terbitan Yang Akan Diterima Oleh Pekerja Yang Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pilihan Pencen, Ganjaran atau Faedah-Faedah Lain

PERKARA	PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN	
	SKIM KWSP	PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
1. ASAS PERUNDANGAN	Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452) NOTA: Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.	(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239); dan (2) Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238). NOTA: Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
2. SKIM CARUMAN (a) Caruman Kerajaan (majikan) (b) Caruman pekerja	(a) Caruman oleh Kerajaan (majikan) atas kadar 12% emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap) sepanjang tempoh perkhidmatan pekerja. (b) Caruman oleh pekerja atas kadar 11% emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap) sepanjang tempoh perkhidmatan pekerja. NOTA: Tertakluk kepada apa-apa kadar caruman yang ditetapkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452).	(a) Caruman oleh Kerajaan (majikan) atas kadar 12% emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap). (b) Caruman oleh pekerja atas kadar 11% emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap). NOTA: i. Tertakluk kepada apa-apa kadar caruman yang ditetapkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). ii. Caruman dihentikan apabila pekerja diberi taraf berpencen. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) berserta faedahnya dikembalikan kepada Kerajaan apabila faedah persaraan atau faedah terbitan di bawah undang-undang pencen diberi kepada pekerja atau tanggungannya, atau semasa pekerja mengeluarkan carumannya berserta faedah melalui Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen KWSP.
3. PEMBERIAN TARAF BERPENCEN (PTB)	Tiada konsep “pemberian taraf berpencen”.	Taraf pekerja berpencen diberi oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam selepas pekerja disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun tempoh perkhidmatan. NOTA: Taraf pekerja berpencen melayakkan pekerja diberi faedah persaraan sekiranya berlaku persaraan (kecuali bagi maksud persaraan atas sebab kesihatan dan persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan yang mana syarat pengesahan dalam perkhidmatan sahaja adalah memadai). Faedah terbitan boleh diberi dengan syarat telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja.

PERKARA	PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN	
	SKIM KWSP	PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
4. FAEDAH PERSARAAN/ FAEDAH TERBITAN	<p>(1) Apabila pekerja bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan, pekerja/penama/balu atau duda/anak akan diberi jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman pekerja kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya untuk dikeluarkan mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.</p> <p>(2) Jika pekerja meninggal dunia dalam persaraan, tiada apa-apa pemberian dibuat kepada mana-mana pihak sekiranya pekerja telah mengeluarkan keseluruhan carumannya di KWSP berserta faedah ke atasnya.</p>	<p>(1) Faedah persaraan yang boleh diberi apabila pekerja bersara ialah –</p> <p>(i) pencen (bulanan) atas kadar:</p> <p>$1/600 \times$ jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira x gaji yang akhir diterima, tertakluk kepada maksimum sebanyak tiga per lima daripada gaji akhir yang diterimanya; dan</p> <p>(ii) ganjaran (sekaligus) atas kadar:</p> <p>$7.5\% \times$ jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira x gaji yang akhir diterima.</p> <p>(2) Faedah terbitan yang boleh diberi jika –</p> <p>(i) pekerja meninggal dunia dalam perkhidmatan ialah –</p> <p>(a) pencen terbitan (bulanan) atas kadar seperti di (1) (i) tetapi tidak kurang 1/5 dari gaji akhir, kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • balu atau duda (diberi seumur hidup, tidak kira sama ada berkahwin semula atau tidak); • anak yang belum berkahwin (sehingga mencapai umur 21 tahun atau sehingga menamatkan pendidikan ke ijazah pertama, mengikut mana yang terkemudian); dan • anak cacat dan tidak boleh menanggung nafkah sendiri (diberi seumur hidup) [sekiranya gemulah dilantik selepas 16 Mei 1986, kecacatan anak tersebut hendaklah sebelum dia mencapai umur 21 tahun]. <p>(b) ganjaran terbitan (sekaligus) atas kadar seperti di (1)(ii), kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • balu atau duda; • anak di bawah umur 21 tahun (tiada had umur bagi anak cacat); • ibu (atau bapa tanggungan sekiranya ibu telah meninggal dunia)

PERKARA	PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN	
	SKIM KWSP	PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
		<p>Jika tiada ahli keluarga tanggungan, ganjaran terbitan diberi kepada wakil diri di sisi undang-undang.</p> <p>(ii) pekerja meninggal dunia dalam persaraan ialah –</p> <p>(a) pencen terbitan yang kadarnya sama banyak dengan kadar pencen yang telah dibayar kepada gemulah, diberi kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • balu atau duda (seumur hidup, tidak kira sama ada berkahwin semula atau tidak); • anak yang belum berkahwin (sehingga mencapai umur 21 tahun atau sehingga menamatkan pendidikan ke ijazah pertama, mengikut mana yang terkemudian); dan • anak cacat dan tidak boleh menanggung nafkah sendiri (diberi seumur hidup) [sekiranya gemulah dilantik selepas 16 Mei 1986, kecacatan anak tersebut adalah sebelum dia mencapai umur 21 tahun]. <p>(3) Faedah-faedah lain yang boleh diberi kepada pekerja ialah –</p> <p>(i) pencen hilang upaya sebagai pemberian tambahan kepada pencen di 1(i); atau</p> <p>(ii) pencen tanggungan sebagai pemberian tambahan kepada pencen terbitan di 2(i)(a); atau</p> <p>(iii) elaun tanggungan sebagai menggantikan pencen yang dihentikan dalam keadaan pesara atau penerima pencen dipenjarakan atau diisytiharkan bankrap.</p> <p>NOTA: Pencen/pencen terbitan, pencen hilang upaya dan pencen tanggungan diselaraskan di bawah Akta 238 apabila berlaku semakan atau pelarasan gaji sektor awam secara umum.</p>

PERKARA	PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN	
	SKIM KWSP	PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
	Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) dibayar kepada semua pekerja sama ada yang memilih Skim KWSP atau pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain atas kadar 1/30 x gaji yang akhir diterima (termasuk imbuhan tetap) x jumlah hari Cuti Rehat (atau Cuti Rehat Khas, bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan) yang dikumpulkan, tertakluk kepada had maksimum 150 hari.	
5. FAEDAH PERUBATAN	Tiada.	<p>Kemudahan rawatan dan perubatan di Hospital Kerajaan untuk pesara dan ahli keluarga tanggungan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab F 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001, sekiranya diterima pakai oleh Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan berkenaan.</p> <p>NOTA:</p> <p>i. Kad pesara akan dikeluarkan kepada semua pesara untuk pengenalan dan bagi melayakkan pesara mendapat faedah perubatan.</p> <p>ii. Tuntutan bayaran balik bagi kemudahan rawatan dan perubatan boleh dibuat kepada Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.</p>
6. SEKIRANYA TAMAT PERKHIDMATAN <u>TANPA BERSARA</u> (CONTOHNYA, LETAK JAWATAN ATAU DIBUANG KERJA)	Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman pekerja kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya kekal dalam akaun KWSP pekerja untuk ditambahkan kepada caruman semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.	Pekerja tidak diberi pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman pekerja kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya sebelum pekerja memperolehi taraf berpencen, kekal dalam akaun KWSP pekerja untuk ditambahkan kepada caruman KWSP semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

NOTA:

- (1) Untuk fahaman terperinci, sila rujuk undang-undang berkaitan termasuk perundangan tambahan di bawah undang-undang tersebut.
- (2) Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini termasuk penjelasan perbandingan antara faedah-faedah persaraan yang akan diterima oleh pekerja yang memilih Skim KWSP dan yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan).

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2009
Borang Opsyen Semula

Kepada:

(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009, saya dengan ini membuat opsyen semula untuk *:

Memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain dan tertakluk kepada Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)(No. 2) 2008, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

ATAU

Kekal di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452).

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009 serta implikasi, kesan dan akibat opsyen semula saya ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan :
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam petak yang berkenaan

Disahkan oleh:

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Cop Rasmi Jabatan :

CATATAN DI BUKU REKOD PERKHIDMATAN KERAJAAN

“Opsyen Semula Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009


Telah memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain dan tertakluk kepada Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)(No. 2) 2008, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

(ATAU)

Telah memilih untuk kekal di bawah Skim KWSP dan tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452).”

***Tandatangan pihak yang mengesahkan,
jawatannya dan tarikh pengesahan***

**PENGAMBILAN KIRA TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI TUJUAN
PERKIRAAN PENCEN DAN GANJARAN BAGI PEKERJA YANG MEMILIH
PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2009**



1. Tempoh perkhidmatan bagi pengiraan pencen dan ganjaran bagi pekerja yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain ialah :

- (i) bagi persaraan, dari (A) hingga sehari sebelum tarikh persaraan di (F);
- (ii) bagi kematian dalam perkhidmatan, dari (A) hingga tarikh kematian di (F).

2. Pencen/Pencen Terbitan:

$\frac{1}{600} \times 360$ bulan (maksimum tempoh perkhidmatan yang diambil kira) x gaji akhir yang diterima [bagi persaraan, pada sehari sebelum tarikh persaraan di (F) dan bagi kematian dalam perkhidmatan, pada tarikh kematian di (F)].

3. Ganjaran/Ganjaran Terbitan:

$7.5\% \times 396$ bulan x gaji akhir yang diterima [bagi persaraan, pada sehari sebelum tarikh persaraan di (F) dan bagi kematian dalam perkhidmatan, pada tarikh kematian di (F)] tolak KWSP caruman syer Kerajaan/majikan bagi tempoh caruman di (A) sehingga di (E) berserta faedah yang terakru (sekiranya telah dikeluarkan oleh pekerja).